BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen : 02/03/44 (BN)

Embargo : Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1900 pada hari Rabu 26 Februari 2003

Penunjuk Utama Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Ekonomi Malaysia pada Suku Keempat 2002

Momentum Pertumbuhan Negara Kekal Kukuh

Pada suku keempat 2002, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal kukuh, dengan KDNK benar meningkat 5.6% pada asas tahunan (S3 2002: 5.8%). Pendorong utama kepada pertumbuhan adalah peningkatan yang lebih nyata dalam penggunaan swasta dan pemulihan berterusan sektor eksport dan pelaburan. Pertumbuhan ekonomi adalah menyeluruh, dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dicatatkan oleh sektor perkhidmatan dan perlombongan manakala pertumbuhan sektor perkilangan masih lagi menggalakkan.

Pembiayaan yang Lebih Tinggi untuk Ekonomi dan Pinjaman kepada Perniagaan Kecil Meningkat

2. Keadaan monetari dan perbankan menyokong kuat pertumbuhan yang mapan pada suku keempat. Pinjaman yang dikeluarkan pada suku tersebut yang meningkat sebanyak 11%, merupakan pinjaman tertinggi pernah dicatatkan semenjak tahun 1996. Selaras dengan pemulihan dalam pelaburan, bahagian yang lebih besar daripada pinjaman disalurkan kepada aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan (65.7% daripada jumlah pengeluaran pinjaman), terutamanya untuk aktiviti perkilangan (25.2%) dan perdagangan borong dan runcit (16.2%). Pada masa yang sama, pinjaman yang diluluskan meningkat dengan nyata sebanyak 13.6%. Perniagaan kecil mendapat peluang pinjaman yang lebih luas, dengan pinjaman kepada

perniagaan yang bersaiz kurang daripada RM100,000, bertukar arah untuk meningkat pada kadar dua angka yang tinggi sebanyak 17.8% pada tahun 2002 (-15.7% pada tahun 2001). Pinjaman kecil bersaiz kurang daripada RM100,000 pula meningkat dengan kukuh sebanyak 15%, manakala pinjaman bersaiz antara RM100,000 hingga RM500,000, meningkat sebanyak 12%, nyata lebih tinggi berbanding dengan pertumbuhan keseluruhan pinjaman sebanyak 4.3%.

Sistem Perbankan Lebih Mantap dengan Daya Tahan yang Lebih Tinggi

3. Sistem perbankan menjadi lebih kukuh dengan daya tahan yang bertambah baik berikutan permodalan yang tinggi dan kualiti aset yang meningkat. Pada suku keempat 2002, pinjaman tidak berbayar bersih (klasifikasi 6-bulan) menurun kepada RM31.7 bilion atau 7.5% daripada jumlah pinjaman bersih. Nisbah modal berwajaran risiko serta modal teras sistem perbankan pula masing-masing kekal tinggi pada 12.8% dan 10.7%. Sistem perbankan domestik yang kukuh menyediakan asas yang stabil bagi menyokong pertumbuhan dalam suasana luaran yang semakin mencabar.

Pertumbuhan yang Kukuh dijangka Berterusan pada Tahun 2003

4. Secara keseluruhan, KDNK benar negara meningkat sebanyak 4.2% pada tahun 2002, disokong oleh keadaan permintaan domestik yang lebih kukuh dan permintaan luar yang bertambah baik. Prestasi ekonomi yang bertambah baik ini telah dapat dicapai dalam suasana inflasi yang rendah dan keadaan pasaran buruh yang stabil. Kedudukan luaran negara kekal teguh, dengan rizab antarabangsa bersih meningkat RM2.4 bilion atau AS$0.6 bilion pada suku tersebut kepada RM131.5 bilion atau AS$34.6 bilion pada akhir tahun 2002. Pada tahun 2003, pertumbuhan dijangka akan disokong oleh pertumbuhan ekonomi sedunia yang sederhana, sedikit pemulihan dalam industri elektronik sedunia, harga eksport komoditi yang kukuh dan perkembangan yang menggalakkan dalam perniagaan antara serantau. Asas-asas yang bertambah baik akan membolehkan sektor swasta untuk

sekali lagi memainkan peranan sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara. Asas-asas ekonomi Malaysia yang lebih teguh telah memperkuat daya tahan ekonomi terhadap sebarang perkembangan yang berpunca dari sektor luaran.

BANK NEGARA MALAYSIA
26 Februari 2003

KENYATAAN AKHBAR

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Ekonomi Malaysia pada Suku Keempat 2002

Pertumbuhan ekonomi kekal kukuh pada suku keempat

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal kukuh pada suku keempat 2002, dengan KDNK benar meningkat 5.6% (S3 2002: 5.8%). Pertumbuhan yang menggalakkan ini adalah disebabkan oleh permintaan dalam negeri dan eksport yang terus berkembang di samping asas-asas dalam ekonomi yang kukuh.

2. Peningkatan dalam pertumbuhan pada separuh tahun kedua menyebabkan KDNK benar secara keseluruhan berkembang 4.2% pada tahun 2002. Pendorong utama pertumbuhan adalah permintaan dalam negeri yang diperkukuh oleh prestasi eksport yang menggalakkan. Pertumbuhan dalam permintaan domestik adalah didorong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh, pemulihan dalam aktiviti pelaburan dan perkembangan dalam perbelanjaan sektor awam.

3. Pertumbuhan dalam penggunaan swasta kekal kukuh pada kadar yang menggalakkan, disokong oleh kesan positif dan kumulatif daripada kadar faedah yang lebih rendah, pendapatan yang lebih tinggi, peluang mendapatkan pinjaman yang lebih mudah serta harga komoditi yang menggalakkan. Penggunaan swasta yang meningkat pada suku keempat adalah menyeluruh. Pendapatan boleh guna pekerja di kedua-dua sektor awam dan swasta dipertingkatkan oleh pembayaran bonus pada akhir tahun, sementara penggunaan luar bandar disokong oleh peningkatan harga komoditi yang nyata. Penunjuk–penunjuk perbelanjaan penggunaan swasta termasuk cukai perkhidmatan, perbelanjaan kad kredit dan pinjaman yang dikeluarkan untuk penggunaan, mencatatkan peningkatan pada suku tersebut. Sementara itu, pertumbuhan penggunaan awam adalah sederhana memandangkan perbelanjaan ke atas emolumen yang lebih tinggi telah

diimbangi sebahagiannya oleh perbelanjaan komponen lain yang lebih rendah.

4. Aktiviti pelaburan turut mencatatkan pemulihan pada separuh tahun kedua. Pembentukan modal kasar yang bertukar arah pada suku ketiga, meningkat lagi sebanyak 9.8% (S3 2002: 2.6%) pada suku keempat. Prestasi yang bertambah baik ini disokong oleh perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi untuk perumahan dan utiliti awam, dan diperkuat oleh pemulihan berterusan dalam aktiviti pelaburan sektor swasta, terutamanya untuk meningkatkan kelengkapan kilang dan pejabat dan pengembangan dalam kapasiti penggunaan. Penunjuk-penunjuk yang mencerminkan pemulihan yang berterusan dalam pelaburan swasta termasuk pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor pembuatan dan pembinaan serta peningkatan dalam import barangan modal pada November dan Disember. Aktiviti pelaburan yang berterusan juga berlaku di sektor pembuatan, minyak dan gas serta perkhidmatan.

Pertumbuhan adalah menyeluruh

5. Pertumbuhan pada suku keempat 2002 adalah menyeluruh dan dicerminkan oleh pertumbuhan kesemua sektor dalam ekonomi. Pertumbuhan sektor perkhidmatan dan perlombongan bertambah kukuh, sementara di sektor perkilangan, pertumbuhan keluaran masih menggalakkan. Prestasi sektor perkhidmatan yang lebih baik disebabkan oleh permintaan domestik yang lebih kukuh serta perkembangan yang berterusan dalam aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan dan pelancongan. Aktiviti di sektor perkilangan kekal kukuh disokong oleh kedua-dua industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri. Sementara itu, pengeluaran minyak dan gas asli yang lebih tinggi menyebabkan peningkatan yang ketara dalam pertumbuhan sektor perlombongan. Sektor pertanian dan pembinaan pula terus mencatatkan pertumbuhan yang positif.

6. Pertumbuhan sektor perkhidmatan bertambah kukuh kepada 4.9% pada suku keempat (S3: 3.7%), dengan prestasi yang lebih baik di kebanyakan subsektor. Pertumbuhan subsektor utiliti meningkat ekoran peningkatan dalam penggunaan elektrik, sementara perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi dan juga peningkatan ketara dalam jumlah ketibaan pelancong telah menyokong aktiviti subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran. Begitu juga dengan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan yang mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi disebabkan prestasi pengangkutan udara yang lebih baik serta aktiviti pelabuhan yang meningkat, termasuk pemunggahan. Disokong oleh aktiviti subsektor perbankan dan insurans, subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan terus berkembang pada suku keempat.

7. Nilai ditambah sektor perkilangan berkembang 5.8% pada suku keempat (S3: 7.3%), dengan pertumbuhan disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam industri berorientasikan eksport (9.2%; S3: 11.2%), manakala prestasi industri berorientasikan pasaran dalam negeri adalah sederhana (0.9%; S3: 1.5%). Di industri berorientasikan eksport, pengeluaran industri kimia dan keluaran kimia lebih kukuh pada 13.1%, manakala pertumbuhan keluaran industri elektronik menjadi sederhana sedikit namun kekal pada paras yang kukuh. Pertumbuhan eksport separa konduktor sebanyak 36.2% pada suku tersebut adalah didorong oleh permintaan yang kukuh dari pasaran Asia Timur (tidak termasuk Jepun). Penyederhanaan dalam pertumbuhan pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri adalah disebabkan terutamanya oleh pengeluaran yang lebih rendah industri kelengkapan pengangkutan, logam yang direka dan keluaran petroleum. Industri kelengkapan pengangkutan telah terjejas oleh penyederhanaan dalam permintaan terhadap kereta penumpang menjelang penghujung tahun 2002. Walau bagaimanapun, pengembangan yang lebih kukuh telah dicatatkan oleh industri keluaran besi dan keluli, makanan dan kertas. Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan kekal tinggi pada tahap 82% (S3: 84%), dengan industri berorientasikan eksport

dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada tahap 84% dan 80% (S3: masing-masing pada tahap 85% dan 82%).

8. Pertumbuhan sektor pembinaan adalah lebih perlahan pada 0.5% pada suku keempat (S3: 2.6%). Sungguhpun sebanyak 360,000 permit kerja diluluskan untuk mengatasi kekurangan tenaga buruh yang bersifat sementara, namun ianya akan mengambil masa bagi pekerja untuk kembali semula ke tapak pembinaan, terutamanya di subsektor rumah kediaman. Jumlah harta tanah yang belum terjual di subsektor bukan kediaman masih lagi tinggi. Walau bagaimanapun, aktiviti di subsektor kejuruteraan awam adalah kukuh pada suku berkenaan, disokong oleh perbelanjaan kerajaan yang meningkat ke atas projek awam.

9. Pertumbuhan nilai ditambah sektor pertanian terus berkembang pada suku keempat tahun 2002 dengan meningkat sebanyak 2.5%, sungguhpun pengeluaran minyak sawit mentah mencatatkan kenaikan yang jauh lebih perlahan (1.6%; S3: 13%). Pengeluaran minyak sawit mentah yang kurang menggalakkan disebabkan oleh hasil yang rendah serta kesan pengeluaran suku yang sama tahun 2001 yang secara relatif adalah lebih tinggi. Pertumbuhan sektor pertanian juga disokong kuat oleh prestasi yang lebih baik subsektor getah dan koko. Peningkatan pengeluaran getah didorong oleh kenaikan harga, manakala peningkatan pengeluaran koko yang ketara disebabkan oleh cuaca yang lebih baik tatkala harga yang tinggi. Pemulihan dalam harga komoditi utama memberi kesan yang nyata pada tahun 2002. Harga komoditi pada suku keempat adalah 50-70% lebih tinggi berbanding dengan paras harga setahun yang lalu. Harga minyak sawit mentah, getah dan koko masing-masing meningkat kepada RM1,543 setiap tan, 314 sen sekilogram dan RM6,166 setiap tan.

10. Pertumbuhan nilai ditambah sektor perlombongan adalah lebih kukuh pada kadar 9.5% hasil daripada pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi dalam keadaan harga sedunia yang menggalakkan. Pengeluaran minyak mentah meningkat 4.9% kepada 610,140 tong sehari,

sementara pengeluaran gas asli bertambah 9.6% bagi memenuhi kenaikan dalam permintaan.

Inflasi yang lebih rendah

11. Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah rendah pada 1.8% (2.1% pada suku ketiga). Kenaikan IHP yang lebih perlahan ini disebabkan terutamanya oleh kesan pelarasan sekali sahaja ke atas harga runcit petrol dan cukai jualan ke atas keluaran tembakau, yang dilaksanakan pada penghujung Oktober 2001.

Keadaan pasaran buruh kekal stabil

12. Pasaran buruh kekal stabil dengan kadar pengangguran pada tahun 2002 kekal di bawah paras 4%.

Kedudukan sektor luaran kekal kukuh

13. Eksport terus berkembang dengan kukuh pada suku keempat dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan yang nyata sebanyak 9.6%. Eksport barangan perkilangan meningkat 5.1%, dengan pertumbuhan eksport yang kukuh bagi barangan separa konduktor, keluaran kimia, keluaran kayu dan perkakas elektrik isi rumah. Pertumbuhan eksport pertanian dan perlombongan juga meningkat masing-masing sebanyak 48.7% dan 30.4%, mencerminkan terutamanya peningkatan ketara dalam terma dagangan bagi kesemua eksport komoditi utama dan peningkatan dalam jumlah yang dieksport. Eksport ke Republik Rakyat China dan negara ASEAN terus meningkat dengan nyata masing-masing sebanyak 34.4% dan 10.5%.

14. Pada suku keempat 2002, pertumbuhan import menjadi sederhana kepada 9%, mencerminkan pertumbuhan import yang lebih rendah bagi barangan pengantara dan barangan modal masing-masing sebanyak 7% dan 6.6%. Dengan ini, lebihan dagangan bertambah kepada RM14.8 bilion (S3 2002: RM13.5 bilion).

15. Bagi keseluruhan tahun 2002, eksport berkembang sebanyak 6%, sementara import meningkat pada kadar 8.3%, seiring dengan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Akaun dagangan mengekalkan lebihan yang besar sebanyak RM50.9 bilion (RM54.1 bilion pada 2001).

16. Eksport perkhidmatan bertambah baik pada suku keempat. Jumlah ketibaan pelancong kekal kukuh pada tahap 3.3 juta orang (S3 2002: 3.3 juta orang). Pelancong dari rantau Asia Timur (tidak termasuk Jepun) mencakupi bahagian terbesar daripada jumlah ketibaan pelancong (80%).

17. Aliran masuk dana untuk pelaburan juga meningkat pada suku ini. Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa aliran masuk pelaburan langsung asing kasar dalam bentuk ekuiti langsung dan pinjaman antara syarikat berjumlah RM3.9 bilion pada suku keempat. Aliran masuk pelaburan langsung asing adalah menyeluruh merangkumi kumpulan industri yang lebih luas, khususnya sektor minyak dan gas, dan perkilangan serta perkhidmatan untuk tujuan pelaburan baru dan pengambilalihan. Selepas mengambil kira aliran keluar yang disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman oleh syarikat berkaitan dan sebahagian kecilnya penjualan balik perniagaan di Malaysia oleh pelabur bukan pemastautin kepada pemastautin, pelaburan langsung asing mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM0.4 bilion. Sementara itu, pelaburan luar negeri bersih mencatatkan aliran keluar sebanyak RM2.1 bilion, terutamanya oleh beberapa syarikat besar di sektor minyak dan gas, perkilangan dan utiliti. Pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM3.7 bilion pada suku tersebut, di sebalik ramalan yang lebih berhati-hati terhadap pertumbuhan ekonomi global dan risiko geopolitik yang meningkat.

18. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terus meningkat pada suku keempat 2002. Rizab antarabangsa bersih meningkat RM2.4 bilion atau AS$0.6 bilion kepada RM131.5 bilion atau AS$34.6 bilion pada akhir tahun 2002, berbanding dengan paras pada akhir September. Peningkatan rizab adalah disebabkan terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport

yang berkekalan, aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan serta keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasikan berikutan kenaikan dalam nilai euro dan yen berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Aliran masuk adalah lebih daripada memadai untuk membiayai pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, penghantaran pulang keuntungan dan dividen yang lebih besar, pembayaran balik hutang luar negeri, pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia dan aliran keluar dana portfolio.

19. Bagi keseluruhan tahun 2002, rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak RM14.3 bilion atau AS$3.8 bilion, selepas mengambil kira keuntungan penilaian semula bersih yang berjumlah RM6.6 bilion atau AS$1.7 bilion pada tahun tersebut. Pada 14 Februari 2003, rizab antarabangsa bersih terkumpul adalah sebanyak RM131 bilion atau AS$34.5 bilion terus boleh digunakan dengan serta-merta. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 5.3 bulan import tertangguh dan 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

20. Kedudukan hutang luar negeri Malaysia kekal pada paras yang terkawal pada suku keempat. Hutang luar negeri sebanyak RM185.3 bilion (AS$48.8 bilion) pada akhir Disember adalah bersamaan dengan kira-kira 56% daripada KNK. Jumlah hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat sedikit kepada RM153.8 bilion atau AS$40.5 bilion disebabkan terutamanya oleh pengambilan pinjaman luar negeri bersih oleh sektor awam. Pada akhir Disember, hutang luar negeri jangka pendek meningkat 21.2% kepada RM31.6 bilion, mencerminkan terutamanya pinjaman mata wang asing yang lebih tinggi oleh bank perdagangan. Hutang luar negeri jangka pendek yang bersamaan dengan 17% daripada jumlah hutang luar negeri dan 24% daripada rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia, kekal di sekitar paras yang berhemat.

Defisit fiskal lebih rendah

21. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan bertambah baik pada suku keempat berbanding suku yang sama tahun 2001. Defisit yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh prestasi hasil yang lebih baik (+6.3%) di samping perbelanjaan yang lebih rendah (-9%). Berikutan pengeluaran perbelanjaan yang lebih cepat di sepanjang tahun 2002, ianya telah dapat mengelakkan kebanyakan pengeluaran perbelanjaan tertumpu ke penghujung tahun. Oleh yang demikian, perbelanjaan fiskal telah memberi kesan ke atas ekonomi di sepanjang tahun. Defisit keseluruhan yang berjumlah RM9.8 bilion pada suku tersebut kebanyakannya dibiayai melalui pinjaman dalam negeri dan penggunaan harta boleh jual Kerajaan.

Keadaan monetari menyokong pertumbuhan ekonomi

22. Keadaan ekonomi yang bertambah baik dan keadaan monetari yang menggalakkan dengan kadar faedah yang rendah dan stabil menyumbang kepada pertumbuhan dalam aktiviti pembiayaan sektor swasta pada suku keempat. Mencerminkan permintaan untuk pembiayaan dan kos pinjaman yang rendah, pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal, meningkat dengan nyata pada kadar tahunan 7.7% atau RM9.6 bilion pada suku keempat (+8.8% berbanding dengan suku sebelum ini). Pengeluaran pinjaman pada suku tersebut merupakan yang tertinggi semenjak tahun 1996. Pinjaman kepada isi rumah terus meningkat dengan kukuh (+8.9% pada asas tahunan). Selaras dengan pemulihan dalam pelaburan, bahagian yang lebih besar daripada pengeluaran pinjaman telah disalurkan kepada aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan (65.7% daripada jumlah pengeluaran), terutamanya untuk aktiviti perkilangan (25.2%), perdagangan borong dan runcit (16.2%), pembinaan (6.6%) dan perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (6.5%). Terbitan PDS kasar pada suku tersebut berjumlah RM10.6 bilion iaitu peningkatan sebanyak 71%.

Pinjaman kepada perniagaan kecil meningkat

23. Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan yang belum dijelaskan meningkat RM3 bilion atau 0.6% pada suku keempat (+RM4.3 bilion pada suku ketiga 2002). Walau bagaimanapun, pengeluaran pinjaman tersebut telah disederhanakan oleh pembayaran balik pinjaman sebanyak RM104.7 bilion serta pinjaman yang dihapus kira dan ditukar bernilai RM4.7 billion. Dengan mengambil kira pinjaman yang dihapus kira dan ditukar, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM7.7 bilion atau 1.5% pada suku tersebut.

24. Analisis pinjaman mengikut saiz menunjukkan pinjaman yang disalurkan kepada peminjam kecil yang kurang daripada RM100,000, dan di antara RM100,000 hingga RM500,000 meningkat dengan lebih pesat masing-masing sebanyak 15% dan 12% pada tahun 2002 (masing-masing sebanyak 12% dan 11% pada tahun 2001), nyata lebih tinggi berbanding dengan pertumbuhan keseluruhan pinjaman sebanyak 4.3%. Justeru, bahagian pinjaman kecil bersaiz kurang daripada RM100,000, dan di antara RM100,000 hingga RM500,000 masing-masing meningkat kepada 30% dan 23% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan (masing-masing sebanyak 27% dan 21% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2001). Pengagihan pinjaman pada tahun 2002 nyata cenderung kepada perniagaan kecil. Pinjaman kepada perniagaan bersaiz kurang daripada RM100,000 meningkat dengan ketara sebanyak 17.8% pada tahun 2002 (-15.7% pada tahun 2001).

Kadar pertukaran tetap ringgit kekal mapan

25. Sehubungan dengan pergerakan dolar AS di pasaran kadar pertukaran wang antarabangsa, nilai ringgit menyusut berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau pada suku keempat 2002. Berdasarkan wajaran perdagangan, nilai ringgit kekal hampir dengan penilaian yang wajar dan penetapan nilai ringgit terus memberikan ketentuan dan kestabilan untuk aktiviti perniagaan dalam suasana yang semakin tidak

menentu di pasaran pertukaran asing dan kewangan global. Kadar pertukaran tetap ringgit kekal mapan dan terus konsisten dengan asas-asas ekonomi negara yang kukuh, kadar inflasi yang rendah, lebihan akaun semasa yang berterusan, rizab antarabangsa yang tinggi, hutang luar negeri yang rendah dan sistem perbankan yang berdaya tahan dan mempunyai tahap permodalan yang teguh.

Sistem Perbankan: permodalan yang tinggi

26. Daya tahan sistem perbankan diperkukuhkan lagi oleh kualiti aset yang semakin baik dan tahap permodalan yang tinggi pada suku keempat 2002. Pinjaman tidak berbayar bersih (klasifikasi 6-bulan) menurun pada suku keempat kepada RM31.7 bilion atau 7.5% daripada jumlah pinjaman bersih berikutan jumlah kutipan balik hutang yang tinggi dan jumlah peruntukan yang mencukupi dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk cagaran) berada pada paras 161.6% pada akhir Disember 2002. Kedudukan modal kekal kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko berada pada tahap 12.8% dan modal teras pada 10.7%. Penurunan sedikit dalam nisbah modal berwajaran risiko berbanding dengan suku tahunan yang lalu adalah disebabkan pengurangan dalam modal asas sebanyak RM0.9 bilion, ekoran peningkatan pelaburan dalam anak syarikat berikutan selesainya penggabungan dua buah bank perdagangan.

Pertumbuhan ekonomi negara dijangka berterusan di masa hadapan...

27. Meskipun wujud keadaan ketidakpastian yang lebih ketara dalam persekitaran sedunia, prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia masih lagi positif. Sungguhpun pertumbuhan ekonomi negara akan terus bergantung kepada prestasi ekonomi sedunia, ia akan mendapat manfaat daripada permintaan domestik yang mapan dan perkembangan dalam perdagangan antara serantau. Pertumbuhan ekonomi pada tahun 2003 dijangka akan didorong oleh pertumbuhan ekonomi sedunia yang sederhana, sedikit peningkatan dalam industri elektronik sedunia, harga eksport komoditi yang kukuh dan perkembangan yang lebih kukuh dalam perdagangan antara

serantau. Peningkatan yang berterusan dalam import barangan pengantara menunjukkan tempahan eksport yang mapan untuk separuh tahun pertama 2003. Apa yang lebih penting ialah pengukuhan dalam asas pertumbuhan Malaysia juga telah meningkatkan daya tahan ekonomi negara untuk menghadapi perubahan mendadak yang mungkin berpunca dari sektor luaran. Permintaan domestik, dan terutamanya, permintaan pengguna kekal berdaya tahan justeru membolehkan sektor swasta untuk memainkan semula peranan sebagai pendorong pertumbuhan. Di samping itu, sektor perbankan yang mantap menyumbangkan asas yang stabil bagi menghadapi sebarang ketidakseimbangan di pasaran kewangan yang mungkin timbul disebabkan oleh risiko geopolitik yang semakin meningkat.

28. Faktor-faktor lain yang turut menyokong perkembangan ekonomi termasuk keyakinan pengguna, seperti yang dicerminkan oleh Indeks Sentimen Pengguna yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia yang terus meningkat kepada 112.8 mata pada suku keempat, pertumbuhan positif dalam import barangan modal, pertambahan dalam nilai permohonan pelaburan pada separuh tahun kedua dan nilai kelulusan pelaburan yang lebih tinggi pada suku keempat 2002 oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk sektor perkilangan. Di rantau Asia, prospek pertumbuhan ekonomi pada tahun 2003 kekal kukuh, disokong oleh permintaan domestik dan kekukuhan dalam perdagangan antara serantau yang berterusan.

BANK NEGARA MALAYSIA
26 Februari 2003

Jadual 1: KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2001					2002				
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan dalam %									
Pertanian	14.0	3.7	-3.5	-4.2	1.8	-5.0	-1.6	5.0	2.5	0.3
Perlombongan	1.3	1.7	2.2	1.3	1.6	1.4	-1.4	8.3	9.5	4.5
Perkilangan	1.0	-7.6	-9.1	-8.4	-6.2	-2.3	5.6	7.3	5.8	4.1
Pembinaan	0.8	3.2	2.6	2.5	2.3	2.9	3.4	2.6	0.5	2.3
Perkhidmatan	4.7	6.2	6.0	5.8	5.7	4.9	4.5	3.7	4.9	4.5
KDNK Benar	**3.0**	**0.4**	**-0.9**	**-0.5**	**0.4**	**1.3**	**4.1**	**5.8**	**5.6**	**4.2**
KDNK Benar (Perubahan berbanding suku sebelumnya)	**-4.4**	**1.1**	**1.8**	**1.2**	**-**	**-2.7**	**3.8**	**3.5**	**0.9**	**-**

Jadual 2 : KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2001					2002				
	S1	S2	S3	S4	Tahun	Q1	Q2	Q3	Q4	Tahun
	Perubahan tahunan dalam %									
Penggunaan	5.5	4.1	5.6	7.6	5.8	4.7	7.4	8.1	5.3	6.4
Sektor swasta	*3.8*	*1.7*	*2.2*	*3.3*	*2.8*	*3.0*	*5.4*	*4.0*	*4.5*	*4.2*
Sektor awam	*15.3*	*13.3*	*18.3*	*21.8*	*17.6*	*12.9*	*14.6*	*21.2*	*7.5*	*13.8*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	8.3	0.2	-10.2	-8.1	-2.8	-8.5	-2.1	2.6	9.8	0.2
Eksport Barangan & Perkhidmatan	6.4	-6.0	-16.3	-12.0	-7.5	-6.5	3.1	11.2	7.2	3.6
Import Barangan & Perkhidmatan	7.5	-8.1	-20.1	-10.5	-8.6	-4.8	6.6	15.6	8.1	6.2
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**3.0**	**0.4**	**-0.9**	**-0.5**	**0.4**	**1.3**	**4.1**	**5.8**	**5.6**	**4.2**

Jadual 3: Sumbangan kepada Pertumbuhan (dalam nilai benar)

	2001					2002				
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**
	Mata peratusan									
Penggunaan	3.1	2.3	3.1	4.6	3.3	2.7	4.3	4.8	3.4	3.8
Sektor swasta	*1.8*	*0.8*	*0.9*	*1.5*	*1.2*	*1.4*	*2.4*	*1.8*	*2.2*	*1.9*
Sektor awam	*1.3*	*1.5*	*2.2*	*3.0*	*2.0*	*1.3*	*1.9*	*3.0*	*1.3*	*1.9*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	2.4	0.1	-3.3	-2.4	-0.9	-2.6	-0.7	0.7	2.7	0.0
Perubahan dalam Stok	-2.3	-3.7	-3.6	0.3	-2.3	3.8	3.6	3.0	-0.4	2.5
Eksport bersih	-0.2	1.7	2.9	-2.9	0.3	-2.6	-3.1	-2.7	-0.2	-2.1
Eksport Barangan & Perkhidmatan	7.1	-7.0	-20.2	-14.0	-8.8	-7.5	3.4	11.7	7.6	3.9
Import Barangan & Perkhidmatan	7.3	-8.7	-23.1	-11.1	-9.2	-4.9	6.5	14.5	7.7	6.0
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**3.0**	**0.4**	**-0.9**	**-0.5**	**0.4**	**1.3**	**4.1**	**5.8**	**5.6**	**4.2**

Jadual 4: Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai ditambah dalam RM juta pada harga 1987)

	2001					2002				
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**
	Perubahan tahunan dalam %									
Perkhidmatan Pengantara	**6.3**	**10.1**	**9.8**	**8.7**	**8.7**	**6.0**	**5.4**	**3.6**	**4.8**	**4.9**
Pengangkutan, penyimpanan & perhubungan	10.0	10.8	6.7	2.9	7.5	1.9	2.4	3.1	4.3	2.9
Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan	4.0	9.6	11.9	12.5	9.5	8.7	7.3	3.8	5.1	6.2
Perkhidmatan Akhir	**3.7**	**3.8**	**3.7**	**3.9**	**3.8**	**4.1**	**3.9**	**3.8**	**4.9**	**4.2**
Elektrik, gas & air	10.2	7.7	6.4	3.7	6.9	8.2	8.1	4.4	6.4	6.7
Perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	3.5	2.8	3.2	2.7	3.0	2.0	2.5	2.9	2.6	2.5
Perkhidmatan kerajaan	2.1	5.7	4.5	6.0	4.6	6.9	4.1	5.5	8.8	6.3
Perkhidmatan lain	2.1	2.2	2.8	4.6	2.9	3.6	4.0	3.8	5.1	4.1
Jumlah Perkhidmatan	**4.7**	**6.2**	**6.0**	**5.8**	**5.7**	**4.9**	**4.5**	**3.7**	**4.9**	**4.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 5: Prestasi Sektor Perkilangan

	2001					2002				
	S1	S2	S3	S4	TAHUN	S1	S2	S3	S4	TAHUN
	% Perubahan Tahunan									
Nilai ditambah (harga malar)	**1.0**	**-7.6**	**-9.1**	**-8.4**	**-6.2**	**-2.3**	**5.6**	**7.3**	**5.8**	**4.1**
Pengeluaran Keseluruhan	**4.2**	**-7.9**	**-10.5**	**-10.9**	**-6.6**	**-3.4**	**6.5**	**8.5**	**6.9**	**4.6**
Industri berorientasikan eksport	**2.0**	**-11.4**	**-15.5**	**-15.3**	**-10.4**	**-5.5**	**6.0**	**11.2**	**9.2**	**5.1**
di antaranya:										
* *Elektronik*	*-1.2*	*-25.3*	*-27.5*	*-23.8*	*-20.2*	*-0.8*	*23.6*	*20.5*	*12.2*	*13.3*
* *Barangan elektrik*	*8.6*	*3.4*	*-10.4*	*-9.4*	*-2.8*	*-9.3*	*-7.1*	*0.1*	*-1.6*	*-4.5*
* *Tekstil & pakaian*	*3.0*	*-9.7*	*-11.4*	*-14.2*	*-8.3*	*-14.9*	*-6.5*	*-7.1*	*1.8*	*-6.8*
* *Bahan kimia dan keluaran kimia*	*-1.6*	*-7.2*	*-8.2*	*-13.7*	*-7.7*	*-8.8*	*-2.0*	*9.8*	*13.1*	*2.7*
* *Pemprosesan luar estet*	*10.4*	*13.5*	*4.0*	*3.7*	*7.7*	*1.0*	*-2.8*	*17.8*	*12.0*	*7.1*
* *Keluaran getah*	*10.8*	*4.2*	*-0.7*	*-0.3*	*3.3*	*-4.5*	*-0.1*	*7.1*	*5.1*	*1.8*
* *Kayu dan keluaran kayu* [1/]	*12.4*	*1.3*	*-2.0*	*-5.5*	*1.2*	*-15.4*	*-6.3*	*-3.1*	*3.8*	*-5.4*
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**12.1**	**4.3**	**7.2**	**4.8**	**7.0**	**3.5**	**8.2**	**1.5**	**0.9**	**3.5**
di antaranya:										
* *Kelengkapan pengangkutan*	*18.9*	*18.4*	*23.2*	*15.3*	*19.0*	*18.0*	*13.0*	*3.2*	*-7.4*	*6.4*
* *Keluaran logam yang direka*	*10.6*	*6.4*	*4.7*	*-4.8*	*3.9*	*-4.9*	*11.6*	*-1.3*	*-0.3*	*1.2*
* *Besi & keluli dan logam bukan ferum*	*9.6*	*-7.3*	*-2.4*	*-0.9*	*-0.7*	*-3.3*	*10.1*	*-2.0*	*5.0*	*2.4*
* *Keluaran galian bukan logam*	*15.4*	*9.7*	*6.6*	*7.6*	*9.6*	*8.0*	*7.1*	*4.3*	*2.0*	*5.3*
* *Keluaran petroleum*	*21.0*	*8.7*	*18.6*	*30.0*	*19.3*	*3.4*	*-11.6*	*-1.7*	*-6.5*	*-4.2*
* *Makanan*	*8.6*	*0.0*	*3.1*	*6.1*	*4.3*	*12.4*	*8.9*	*3.5*	*8.3*	*8.2*
Jumlah Eksport Perkilangan	**3.5**	**-9.1**	**-20.4**	**-12.4**	**-10.3**	**-4.0**	**5.5**	**12.7**	**5.1**	**4.7**
* Elektronik	-2.1	-18.5	-26.5	-16.0	-16.3	1.1	16.6	21.7	4.4	10.5
- *Separa konduktor*	*15.1*	*-15.1*	*-30.4*	*-22.8*	*-14.9*	*-13.2*	*15.7*	*48.6*	*36.2*	*19.7*
- *Komponen elektronik*	*-13.6*	*-21.0*	*-23.6*	*-10.5*	*-17.3*	*13.8*	*17.3*	*3.3*	*-18.0*	*3.5*
* Barangan elektrik	9.4	6.2	-16.8	-12.6	-4.7	-13.9	-12.5	-4.1	-8.5	-9.8
- *Barangan elektrik pengguna*	*-0.2*	*2.5*	*-20.8*	*-19.8*	*-10.9*	*-11.7*	*-11.5*	*-9.7*	*-9.4*	*-10.6*
- *Barangan elektrik industri & komersial*	*26.4*	*8.2*	*-18.5*	*-8.2*	*-0.6*	*-18.8*	*-21.8*	*-6.5*	*-20.6*	*-17.1*
- *Jentera & kelengkapan barangan elektrik industri*	*0.9*	*8.3*	*-7.4*	*-6.1*	*-1.0*	*-10.4*	*0.3*	*10.4*	*12.0*	*2.3*
- *Perkakas elektrik isi rumah*	*15.0*	*30.9*	*33.5*	*8.0*	*22.3*	*7.0*	*11.1*	*12.1*	*82.0*	*26.1*
* Keluaran kayu	-0.5	-9.1	-17.7	-17.4	-11.5	-12.6	-7.4	23.3	19.1	4.9
* Barangan perabot	-9.9	-16.2	-16.9	-10.5	-13.5	3.2	9.6	10.1	7.5	7.7
* Tekstil, pakaian & kasut	-5.1	-8.3	-18.7	-19.6	-13.2	-17.0	-12.6	4.6	4.6	-5.3
* Peralatan optikal & saintifik	29.9	23.4	3.2	7.2	14.3	5.6	-1.9	10.0	4.8	4.6
* Bahan kimia dan keluaran kimia	21.9	-1.8	-15.9	-2.5	-0.9	-6.1	14.5	24.6	35.6	16.4
* Keluaran petroleum	39.5	-2.5	-8.3	-8.0	3.4	-35.6	-15.8	-4.0	28.7	-9.2

[1/] *Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.*

Jadual 6: Perkilangan – Purata Penggunaan Kapasiti Suku Tahunan [1/]

Industri	2001					2002				
	S1	S2	S3	S4	TAHUN	S1	S2	S3	S4 [a/]	TAHUN
Keseluruhan	**79**	**78**	**76**	**78**	**78**	**79**	**82**	**84**	**82**	**82**
Berorientasikan eksport	**80**	**78**	**74**	**77**	**77**	**78**	**82**	**85**	**84**	**82**
di antaranya:										
Elektronik	73	75	70	78	74	79	85	86	83	83
- Syarikat multinasional	*62 - 88*	*68 - 100*	*61 - 103*	*70 - 99*	*62 - 97*	*64 - 100*	*71 - 100*	*60 - 100*	*58 - 100*	*58 - 100*
- Syarikat Malaysia [2/]	-	-	-	-	-	*30 - 50*	*45 - 73*	*30 - 90*	*37 - 75*	*30 - 90*
Barangan elektrik	83	80	75	82	80	70	77	84	82	78
Bahan kimia dan keluaran kimia	97	81	82	84	86	85	81	89	88	86
Tekstil dan pakaian	80	76	79	75	77	85	87	89	88	87
Berorientasikan pasaran dalam negeri	**77**	**80**	**80**	**80**	**79**	**80**	**83**	**82**	**80**	**81**
di antaranya:										
Keluaran petroleum	79	82	85	85	83	87	82	88	86	86
Keluaran galian bukan logam	67	68	66	65	66	71	70	71	70	71
Kelengkapan pengangkutan	91	92	96	95	93	99	102	96	92	97
Makanan, minuman dan tembakau	83	84	78	82	82	74	75	71	67	72

Sumber: Kaji Selidik Suku Tahunan Penggunaan Kapasiti Perkilangan

[a/] anggaran

[1/] Keputusan adalah berlainan daripada Kaji Selidik Tahunan (ASC) disebabkan oleh perbezaan dalam saiz sampel. ASC mencakupi lebih banyak syarikat (240) manakala Kaji Selidik Suku Tahunan hanya mencakup 90 buah syarikat.

[2/] Syarikat elektronik tempatan hanya dimasukkan dalam Kaji Selidik Suku Tahunan mulai tahun 2002.

Jadual 7: Prestasi Sektor Pertanian

	2001					2002				
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**
	Perubahan tahunan (%)									
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**14.0**	**3.7**	**-3.5**	**-4.2**	**1.8**	**-5.0**	**-1.6**	**5.0**	**2.5**	**0.3**
Pengeluaran [1/]										
Di antaranya:										
Minyak sawit mentah	27.6	17.2	2.4	-4.1	8.9	-8.4	-3.5	13.0	1.6	0.9
Getah	-11.7	-21.8	-6.3	-5.1	-11.1	1.2	7.5	5.1	17.2	7.6
Kayu balak	-14.6	-14.5	-24.8	-17.3	-18.0	-7.5	-6.5	14.7	18.5	4.2
Koko	-6.7	-14.6	-11.2	-37.5	-17.9	-37.2	-25.6	-28.2	39.1	-16.6
Eksport (RM juta)	**-16.9**	**-17.6**	**-13.3**	**-4.8**	**-13.2**	**7.0**	**26.9**	**42.2**	**48.7**	**31.8**
Di antaranya:										
Minyak sawit										
('000 tan metrik)	24.4	36.8	13.5	3.0	18.1	-11.8	2.9	12.4	12.3	3.9
(RM/tan metrik)	-34.0	-29.8	-6.3	10.8	-15.9	41.0	45.3	39.7	47.0	44.8
(RM juta)	-17.9	-4.0	6.3	14.1	-0.7	24.4	49.5	57.0	65.1	50.4
Getah										
('000 tan metrik)	-6.5	-18.7	-21.6	-16.5	-16.0	-10.5	18.8	28.9	6.4	10.2
(Sen/kg)	-12.0	-15.1	-10.3	-14.5	-12.7	-11.6	11.1	26.5	57.8	19.8
(RM juta)	-17.7	-31.0	-29.7	-28.6	-26.6	-21.0	32.0	63.0	67.9	32.1
Kayu balak										
('000 meter padu)	-26.9	-31.7	-24.4	-18.2	-25.5	-7.5	-6.4	2.4	12.9	0.8
(RM/meter padu)	-7.6	-17.5	-23.8	-20.4	-17.9	-10.2	6.8	33.8	31.8	16.6
(RM juta)	-32.4	-43.6	-42.4	-34.9	-38.8	-17.0	0.0	37.0	48.8	17.5

1/ Dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Jadual 8: Prestasi Sektor Perlombongan

	2001					2002				
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**
	Perubahan tahunan (%)									
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**1.3**	**1.7**	**2.2**	**1.3**	**1.6**	**1.4**	**-1.4**	**8.3**	**9.5**	**4.5**
Pengeluaran										
Di antaranya:										
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	-4.2	-2.9	-0.7	-1.8	-2.4	4.0	-1.1	10.0	9.7	5.7
Gas asli (bersih) (juta kaki padu)	5.9	5.2	2.8	1.1	3.7	-1.6	-1.9	8.0	9.6	3.5
Eksport (RM juta)	**1.5**	**-3.7**	**-14.9**	**-30.6**	**-12.6**	**-29.4**	**-13.9**	**5.8**	**30.4**	**-4.2**
Di antaranya:										
Minyak mentah										
('000 tan metrik)	-1.7	-4.6	-13.4	-18.0	-9.6	-0.8	8.6	18.3	5.4	7.4
(AS$/tong)	3.7	-0.8	-16.4	-36.7	-13.7	-26.1	-11.9	1.3	37.2	-2.9
(RM juta)	2.0	-5.3	-27.7	-48.1	-21.9	-26.7	-4.3	19.8	44.7	4.3
Gas asli cecair										
('000 tan metrik)	-4.8	5.0	5.4	-1.9	0.4	-3.2	-21.1	1.0	8.3	-3.2
(RM/tan metrik)	5.7	1.1	-2.0	-8.8	-1.1	-23.2	-11.6	-11.7	8.5	-9.3
(RM juta)	0.6	6.2	3.3	-10.5	-0.7	-25.7	-30.2	-10.8	17.5	-12.2

Jadual 9: Akaun Perdagangan

	2001					2002				
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan dalam %									
Eksport Kasar	**1.7**	**-8.9**	**-19.4**	**-13.1**	**-10.4**	**-4.9**	**5.4**	**14.5**	**9.6**	**6.0**
Perkilangan	3.5	-9.1	-20.4	-12.4	-10.3	-4.0	5.5	12.7	5.1	4.7
Pertanian	-16.9	-17.6	-13.3	-4.8	-13.2	7.0	26.9	42.2	48.7	31.8
Galian	1.5	-3.7	-14.9	-30.6	-12.6	-29.4	-13.9	5.8	30.4	-4.2
Import Kasar	**7.0**	**-10.5**	**-22.5**	**-10.5**	**-10.0**	**-4.8**	**10.1**	**19.8**	**9.0**	**8.3**
Barangan modal	33.4	-13.2	-27.9	-5.2	-6.5	-9.9	24.4	25.2	6.6	10.6
Barangan pengantara	3.5	-11.7	-24.8	-13.4	-12.4	-5.8	6.7	18.1	7.0	6.2
Barangan pengguna	2.7	-3.2	-5.6	-3.2	-2.5	6.7	12.2	22.4	22.1	15.9
Imbangan perdagangan (RMbn)	**13.5**	**12.6**	**14.9**	**13.1**	**54.1**	**12.8**	**9.9**	**13.5**	**14.8**	**50.9**

Jadual 10: Imbangan Pembayaran

	2001					2002				
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
	RM bilion									
Eksport kasar (f.o.b.)	86.2	82.8	81.9	83.4	334.3	81.9	87.3	93.8	91.4	354.4
Import Kasar (c.i.f.)	72.6	70.3	67.0	70.3	280.2	69.2	77.4	80.3	76.7	303.5
Imbangan Perdagangan	**13.5**	**12.6**	**14.9**	**13.1**	**54.1**	**12.8**	**9.9**	**13.5**	**14.8**	**50.9**
Rizab antarabangsa bersih (akhir tempoh)	103.3	98.8	112.9	117.2	117.2	124.4	127.7	129.0	131.5	131.5
-Bersamaan AS$ bilion	27.2	26.0	29.7	30.8	30.8	32.7	33.6	34.0	34.6	34.6

Jadual 11: Hutang Luar Negeri yang Belum Dijelaskan

	2001				2002			
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**S1**	**S2**	**S3**	**S4**
	RM bilion							
Hutang jangka sederhana & panjang	141.2	142.6	147.4	149.6	151.5	152.3	151.1	153.8
Sektor awam	86.1	87.5	92.6	91.7	94.4	96.2	97.1	100.6
Sektor swasta	55.1	55.1	54.8	57.9	57.2	56.1	54.1	53.2
Hutang jangka pendek	17.9	17.8	20.3	24.2	27.3	24.0	26.1	31.6
Jumlah hutang luar negeri	159.1	160.4	167.7	173.8	178.9	176.2	177.2	185.3
- bersamaan AS$ bilion	41.9	42.2	44.1	45.7	47.1	46.4	46.6	48.8

Jadual 12: Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2001					2002 [a]				
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
	RM bilion									
Hasil	14.6	20.7	18.5	25.7	79.6	17.1	19.6	19.4	27.3	83.5
Perbelanjaan mengurus	11.3	13.4	14.3	24.8	63.8	14.7	15.6	15.8	22.5	68.7
Akaun semasa	**3.3**	**7.4**	**4.2**	**1.0**	**15.8**	**2.4**	**4.0**	**3.6**	**4.8**	**14.8**
Perbelanjaan pembangunan kasar	5.3	5.7	7.3	16.9	35.2	3.9	8.1	8.9	15.2	36.0
Terimaan balik pinjaman	0.4	0.1	0.2	0.3	1.0	0.2	0.1	0.1	0.5	0.9
Imbangan keseluruhan	**-1.6**	**1.8**	**-3.0**	**-15.6**	**-18.4**	**-1.3**	**-4.0**	**-5.1**	**-9.8**	**-20.3**
Memo:										
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	128.9	129.3	138.4	145.7		146.0	149.6	156.7	162.7	
	Perubahan tahunan dalam %									
Hasil	30.4	24.3	19.8	38.7	28.6	17.1	-5.5	5.1	6.3	5.0
Perbelanjaan mengurus	44.8	4.8	-2.3	16.1	12.8	30.2	16.9	10.4	-9.0	7.8
Perbelanjaan pembangunan kasar	110.1	-0.1	10.4	29.1	26.1	-27.1	42.5	20.8	-10.3	2.1

[a] awalan

Jadual 13 : Petunjuk Monetari

	2001				2002			
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4
	Pertumbuhan Tahunan (% pada akhir tempoh							
M1	5.2	4.4	11.6	3.2	12.3	14.2	9.0	10.3
M2	3.6	3.0	5.0	2.2	6.1	6.1	4.6	5.8
M3	4.5	4.0	5.4	2.9	6.1	6.3	5.5	6.7
Pinjaman[1/]	5.5	6.0	5.7	3.6	4.6	3.8	3.7	4.3
Deposit	2.8	3.6	4.0	1.8	4.5	3.2	3.0	5.3
	Pada tempoh (RM bilion)							
Kelulusan	29.7	31.1	35.3	29.6	30.9	35.9	37.4	33.5
Pengeluaran	91.2	93.1	93.6	95.6	99.9	104.8	101.1	106.2
Pembayaran balik	89.3	86.2	91.8	98.1	96.7	100.1	101.1	104.8
	Pada akhir tempoh (%)							
Kadar faedah antara bank								
1 bulan	2.99	2.99	2.81	2.97	2.74	2.97	2.98	2.99
3 bulan	3.04	3.00	3.28	3.27	3.24	3.21	2.83	3.13
Deposit tetap bank perdagangan								
1 bulan	3.44	3.44	3.20	3.20	3.20	3.20	3.20	3.20
3 bulan	3.46	3.45	3.21	3.21	3.21	3.21	3.20	3.20
BLR bank perdagangan	6.79	6.79	6.39	6.39	6.39	6.39	6.39	6.39
	Purata Pertumbuhan Tahunan % bagi tempoh							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	1.5	1.6	1.4	1.2	1.4	1.9	2.1	1.8
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)	-4.7	-4.7	-4.3	-6.4	-0.9	2.7	5.0	11.2

1/ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

Jadual 14: Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan

	2000				2001				2002			
	Mac	**Jun**	**Sep**	**Dis**	**Mac**	**Jun**	**Sep**	**Dis**	**Mac**	**Jun**	**Sep**	**Dis**
Modal												
Nisbah modal teras (%)	10.6	10.7	10.8	10.7	10.2	10.5	10.5	11.1	10.8	10.9	11.0	10.7
RWCR (%)	13.0	13.0	13.1	12.5	12.1	12.6	12.5	13.0	12.6	13.2	13.3	12.8
Kualiti Aset (Klasifikasi-6 bulan)												
Nisbah NPL bersih (%)	6.3	6.5	6.7	6.3	7.1	8.0	8.2	8.1	8.2	8.2	7.7	7.5
NPL bersih (RM m)	23,553	24,574	25,858	24,700	27,989	32,291	32,995	32,775	33,535	33,924	32,472	31,703
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8

* Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam

Jadual 15: BSKL - Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir					
	2001		2002			
	S3	S4	S1	S2	S3	S4
Indeks Harga						
- Komposit	615.34	696.09	756.10	725.44	638.01	646.32
- EMAS	145.84	165.23	181.72	176.50	155.39	157.25
- Papan Kedua	109.61	134.13	132.29	119.84	102.89	98.24
Purata Urus niaga harian						
- Jumlah (juta unit)	306.8	276.4	304.9	299.3	159.1	143.4
- Nilai (RM juta)	485.3	427.6	636.1	643.8	349.2	275.8
Permodalan Pasaran (RM b)	411.35	464.98	517.63	505.89	476.35	481.62
Bilangan Syarikat yang Disenaraikan	807	812	826	843	859	865

BANK NEGARA MALAYSIA
26 Februari 2003